

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT CERIAKAN KRISMAS 40 KELUARGA

Usaha SWM Kasih dapat sokongan gereja, NGO

ISKANDAR PUTERI, 20 DISEMBER – SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) tampil menceriaikan 40 buah keluarga berlatarbelakang pendapatan rendah, ibu tunggal dan warga emas menjelang sambutan perayaan Krismas tidak lama lagi melalui penganjuran program SWM Kasih Christmas Celebration.

Pengurus Besar Korporat, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, usaha tersebut menterjemah komitmen di bawah entiti tanggungjawab sosial korporat (CSR), SWM Kasih menyumbang kembali kepada golongan rentan di kawasan perkhidmatan SWM Environment terutama sempena musim perayaan. Program SWM Kasih Christmas Celebration tersebut pada tahun ini mendapat kerjasama daripada pihak Gereja Methodist Skudai yang melibatkan para sukarelawan dari pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), 448 Foodbank Johor Bahru.

Jelas beliau, program berkenaan menjadi pelengkap kepada Takwim SWM Kasih 2023 yang telah menyalurkan sumbangan dalam pelbagai bentuk antaranya keperluan asas perayaan, bantuan asas persekolahan dan sokongan kepada inisiatif gerobok makanan membabitkan hampir 200 buah keluarga dari sekitar kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Perbandaran Kluang (MPK) dan Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR).

ADUN SKUDAI SAMBUT BAIK USAHA SWM KASIH

Sementara itu, Ahli Dewan Negeri Johor Kawasan Skudai, Yang Berhormat Puan Marina binti Ibrahim pula menyifatkan usaha SWM Environment melalui entiti SWM Kasih tersebut amat dialu-alukan yang bukan sekadar meringankan beban ketua isi rumah (KIR) dalam membuat persediaan sempena perayaan malah memberi peluang kepada rakan korporat, NGO, agensi awam dan rumah ibadah serta pemimpin setempat mendekati golongan rentan berkenaan.

Beliau berkata demikian selepas berkunjung ke kediaman para penerima manfaat SWM Kasih bersama Timbalan Pengarah SWCorp Negeri Johor, Puan Rafidah binti Abdullah, pengurusan dan kakitangan SWM Environment serta para sukarelawan dari Gereja Methodist Skudai dan rakan NGO. Setiap penerima manfaat SWM Kasih menerima sumbangan berbentuk keperluan asas perayaan manakala kanak-kanak pula tidak ketinggalan menerima hadiah Krismas istimewa daripada Pusat Komuniti DUN Skudai.

SWM Environment komited untuk membantu dan menyumbang kembali kepada masyarakat terutama golongan rentan melalui entiti SWM Kasih di samping melestarikan alam sekitar di bawah pelbagai inisiatif CEPA di negeri Johor sekali gus menjayakan sasaran pihak Kerajaan Negeri menerusi gagasan Maju Johor.

TAMAT

TENTANG SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Cik Livingwater a/p Ponnusamy

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Johor Selatan)

Tel : 07 – 335 6000 / 016 – 783 6759

E-mel : livingwater.ponnusamy@swmsb.com